



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR KAEDAH PENDAPATAN 2024

**Pampasan pekerja berkembang 6.1 peratus,
menyumbang 33.6 peratus kepada KDNK nominal pada tahun 2024**

PUTRAJAYA, 30 JULAI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2024. Statistik pendapatan yang dijana daripada pengeluaran dalam ekonomi merangkumi tiga komponen utama iaitu Pampasan Pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import (Cukai bersih).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "KDNK nominal Malaysia bertumbuh 5.9 peratus, mencapai RM1.9 trilion pada tahun 2024. Seiring dengan perkembangan ekonomi ini, agihan pendapatan turut menunjukkan peningkatan dengan PP mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.1 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Momentum peningkatan ini menggambarkan keupayaan ekonomi untuk mengagihkan bahagian output yang lebih besar kepada tenaga kerja iaitu 33.6 peratus (2023: 33.5%). Walau bagaimanapun, LKK kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK dengan 63.7 peratus, manakala Cukai bersih menyumbang 2.7 peratus."

Prestasi PP yang lebih baik didorong oleh tren positif dalam petunjuk utama pasaran buruh. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mencatat rekod tertinggi baharu iaitu 70.6 peratus, sementara bilangan penduduk bekerja meningkat 3.5 peratus kepada 16.37 juta orang (2023: 15.81 juta orang). Seiring dengan pengukuhan keadaan pasaran buruh, kadar pengangguran menurun kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Di samping itu, pelaksanaan dasar berterusan seperti semakan semula kadar gaji minimum kepada RM1,500 dan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada Disember 2024 dijangka menyumbang secara positif kepada tahap gaji keseluruhan dan kestabilan

pendapatan, sekali gus menyokong usaha yang lebih meluas untuk memperkukuh keberhasilan pasaran buruh.

Melihat kepada prestasi sektoral secara terperinci, peningkatan komponen PP yang merangkumi saraan yang diterima oleh pekerja untuk tenaga kerja mereka adalah didorong oleh sektor Perkhidmatan, Pembinaan dan Pembuatan. PP dalam sektor Perkhidmatan bertumbuh 5.5 peratus, disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Bagi sektor Pembinaan, PP menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 18.0 peratus, menggambarkan kebergantungan tinggi sektor ini kepada tenaga kerja serta peningkatan aktiviti sepanjang tahun. Selain itu, PP dalam sektor Pembuatan mencatat pertumbuhan 2.2 peratus, disumbangkan oleh prestasi dalam aktiviti pengeluaran Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. PP dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan pertumbuhan dua digit dengan masing-masing 11.1 peratus dan 14.2 peratus.

Komposisi PP terus didominasi oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, yang menyumbang 84.8 peratus daripada jumlah keseluruhan PP, sekali gus menggambarkan peranan utama kedua-dua sektor ini dalam penjanaan guna tenaga dan pendapatan dalam ekonomi. Sektor Perkhidmatan menyumbang 62.3 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan 22.5 peratus. Sektor Pembinaan menyumbang 9.0 peratus, seiring dengan keperluan tenaga kerja yang berasaskan projek, sementara sektor Pertanian menyumbang 3.8 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian pula menyumbang 2.4 peratus, menggambarkan ciri berorientasikan modal sektor tersebut.

Seiring dengan peningkatan pendapatan buruh yang digambarkan dalam PP, pendapatan modal yang diukur melalui LKK pulih pada tahun 2024 dengan pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus (2023: -2.1%). Pemulihan ini didorong oleh prestasi positif dalam semua sektor utama kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian (-1.6%). Dari segi komposisi, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada LKK dengan 53.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan 23.1 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian masing-masing menyumbang 10.8 peratus dan 10.6 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 1.7 peratus daripada LKK.

Komponen ketiga, Cukai Bersih yang merupakan sumber pendapatan Kerajaan menunjukkan pertumbuhan ketara sebanyak 29.3 peratus atau RM52.3 bilion, sekali gus merekodkan paras tertinggi sejak tahun 2017. Prestasi kukuh ini didorong terutamanya oleh peningkatan hasil kutipan cukai berbanding subsidi. Cukai ke atas pengeluaran dan import meningkat sebanyak 13.8 peratus, disokong oleh pertumbuhan dalam cukai perkhidmatan dan duti import, seiring dengan pengukuhan penggunaan domestik serta aktiviti perdagangan. Sementara itu, subsidi mencatatkan

peningkatan marginal 0.2 peratus dipengaruhi oleh kenaikan subsidi ke atas pengeluaran seperti elektrik dan pembiayaan perniagaan yang bertujuan membantu syarikat dalam menguruskan kos input.

Dalam konteks perbandingan antarabangsa, komposisi PP di rantau Asia Tenggara adalah lebih rendah, menyumbang kurang daripada 40 peratus kepada KDNK, manakala sumbangan LKK adalah lebih besar. Sebaliknya, ekonomi maju seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Kanada, mencatatkan sumbangan PP lebih besar daripada LKK, masing-masing sebanyak 51.9 peratus, 54.7 peratus dan 50.9 peratus. Sementara itu, sumbangan Cukai bersih kekal kecil dalam kalangan negara-negara terpilih ini. Cukai bersih Malaysia adalah terendah iaitu 2.7 peratus, menggambarkan perbezaan dasar fiskal antara negara-negara.

Selain keluaran hari ini, DOSM turut mengemaskini semakan anggaran KDNK Kaedah Pendapatan bagi tahun 2022 dan 2023. Semakan adalah berdasarkan laporan tahunan syarikat yang dikemaskini, Banci Ekonomi 2023 serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan. Semakan semula ini berpandukan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan menyediakan statistik yang terkini.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 JULAI 2025


Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan Komponen Pendapatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Pampasan Pekerja mengikut Sektor


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Lebih Kendalian Kasar mengikut Sektor




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Prestasi Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Per Kapita




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: Sumbangan Komponen Pendapatan kepada KDNK bagi Negara Terpilih, 2024



Sumber: Pengiraan berdasarkan laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih